

18/12/1997

Memang sukar menjadi guru

Anak Didik 70-an

SAYA tertarik dengan coretan Antidera Banting Selangor, bertajuk 'Murid dikerah buat kerja tukang cuci' di Berita Harian 22 November lalu. Untuk pengetahuan 'Antidera', saya adalah salah seorang pendidik di zaman serba moden ini.

Barangkali semua orang tahu bagaimana dilemanya menjadi guru atau pendidik zaman sekarang. Pendidik digari di khalayak murid kerana menghukum murid tidak menyiapkan kerja sekolah, diserang di dalam kelas, ditumbuk hingga pengan dan bermacam-macam lagi, merupakan satu 'sejarah hitam' yang melanda segelintir manusia yang bergelar pendidik. Cubit paha kanan paha kiri terasa juga.

Saya sangat bersyukur kerana dapat menjadi seorang pendidik, iaitu satu profesion yang sangat mulia. Malah saya masih ingat, saya dididik di zaman awal 70-an, tatkala pendidik zaman itu 'dibolehkan' merotan. Pada zaman itu, murid sangat menghormati guru. Barangkali murid sekarang tidak lagi pandai menghormati guru disebabkan adanya ibu bapa seperti Antidera ini.

Perkara yang remeh-temeh diperbesarkan. Biarlah pendidik di sekolah dapat menjalankan tugas-tugas mereka dengan senang hati.

Barangkali remaja yang membuang sampah itu adalah anak-anak 80-an dan kemungkinan juga anak-anak ibu bapa seperti Antidera. Sebagai seorang pendidik, saya akui menjadi pendidik zaman sekarang sangat mencabar. Bukan saja mendidik murid supaya berjaya dalam pendidikan, malah pendidik juga terpaksa berdepan dengan seribu macam kerenah masyarakat.

Sebagai ibu bapa, saya rasa janganlah terlalu memikirkan perkara yang remeh. Seperti kata PM, perjuangan kita belum selesai. Untuk mencapai kejayaan, rasanya tidak salah kita mendidik anak-anak kita mengenal apa itu kesusahan dan kepayahan. Kepada warga pendidik, usah mudah berputus asa. Teruskanlah perjuangan dan amanah yang diberikan untuk mendidik anak bangsa dengan penuh komitmen dan dedikasi. Percayalah jika nawaitu baik, pastinya akan mendapat balasan daripada Allah.